

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD  
RAHMAN [TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjung Manis ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah peranan PEMANDU dalam menangani masalah ekonomi negara terutamanya penurunan nilai mata wang ringgit, penurunan harga komoditi (getah dan kelapa sawit) dan penyusutan pasaran saham.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketidaktentuan ekonomi global sudah pasti memberi kesan kepada Malaysia memandangkan kita adalah sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka.

Dalam menangani persekitaran luar yang tidak menentu seperti kejatuhan harga komoditi dan tekanan ke atas nilai mata wang ringgit, negara masih bertuah kerana mempunyai asas ekonomi yang pada ketika ini adalah kukuh dan pelbagai. Kedudukan ini tercapai kerana kita telah pun mempelbagaikan struktur ekonomi negara kita, di mana kita tidak terlalu bergantung kepada mana-mana subsektor ataupun komoditi.

Kerajaan sentiasa memantau perkembangan ekonomi dunia dan akan mengambil langkah-langkah yang bersesuaian dari semasa ke semasa. Sebagai langkah proaktif, pada 14 September 2015 yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa langkah bagi menangani suasana ekonomi global yang tidak menentu dan berpotensi memberi impak yang negatif kepada ekonomi Malaysia. Kerajaan juga telah mengumumkan pelbagai strategi jangka sederhana dan jangka panjang di Dewan yang mulia ini pada bulan Mei yang lepas semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi jangka panjang, kita perlu mempelbagaikan strategi pembangunan negara dan tidak bergantung pada mana-mana sektor. Ke arah ini, pelaksanaan Program

Transformasi Ekonomi (ETP) memfokuskan kepada pembangunan 12 sektor ekonomi yang utama (NKEA) akan dipergiatkan. PEMANDU akan terus memantapkan pelaksanaan dan menyemak semula strategi pelaksanaan ETP dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu bagi memastikan objektifnya tercapai.

Sekian, terima kasih.